

Syor gelandangan jadi ejen atasi masalah sampah

Kuala Lumpur: Gelandangan yang dianggap bermasalah sehingga tergolong punca penghasilan sampah di kawasan bandar akan diubah dengan menjalankan kerja menangani masalah sampah di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata ia antara langkah sedang dirancang dalam usaha mengatasi masalah pembuangan sampah haram di kawasan tumpuan pelancong dan pusat bandar sekitar Wilayah Persekutuan.

“Di samping itu, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sedang dalam perbincangan dengan SW-Corp untuk mendayaupayakan golongan gelandangan yang selama ini menjadi masalah dalam peng-

hasilan sampah kepada sumber penyelesaian pembersihan sampah di Wilayah Persekutuan,” katanya dalam jawapan bertulis disiarkan di laman web Parlimen kelmarin.

Beliau berkata demikian menjawab soalan P Prabakaran (PH-Batu) yang meminta Perdana Menteri menyatakan langkah diambil oleh JWP untuk memperbaiki pengurusan sampah dan mengatasi masalah pembuangan sampah haram di kawasan tumpuan pelancong dan pusat bandar, termasuk kawasan perparitan.

Selain itu, Dr Zaliha berkata, langkah lain yang diambil untuk mengesan aktiviti pembuangan sampah haram dengan pemasangan 2,000 kamera litar tertutup (CCTV) berteknologi kecerdasan buatan

(AI) di ibu kota.

Pada masa sama, Ops Penguatkuasaan Anti-litter dikuatkuasakan dengan apabila sebanyak 2,457 kompaun dikeluarkan pada tahun lalu di Bawah Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan).

Zon Bebas Sampah turut diperkenalkan dengan kompaun maksimum sebanyak RM500 bagi kesalahan membuang sampah.

Tidak terkecuali, pihaknya menambah frekuensi sehingga tiga kali pembersihan dalam tempoh 24 jam.

“Terkini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melancarkan Pelan Hala Tuju Kuala Lumpur Ke Arah Sifar Sisa 2040 yang menyasarkan 60 peratus pengurangan sisa menjelang 2040 ke tapak pelupusan,” katanya.